

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1993/94

Okttober/November 1993

HMT 401 - Semantik Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI EMPAT [4] SOALAN DI DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Satu daripada tujuh [7] jenis makna yang dikemukakan oleh Leech ialah makna tematik. Dengan menggunakan beberapa contoh yang memadai daripada ayat bahasa Melayu, huraikan makna tematik serta nilai komunikatif yang terkandung di dalam contoh-contoh tersebut.
2. Perhatikan ayat-ayat berikut.
  - (a) Bayi kembar itu akan lahir tiga tahun lepas.
  - (b) Pokok memeluk kucing.
  - (c) Rakan sebiliknya tidur terbeliaik.
  - (d) Kakaknya merupakan anak tunggal.
  - (e) Wawasan dilanggar lori.
  - (f) Rumah yang diduduki Mona dan Affendi hangus terbakar.
  - (g) Mak Endon menangis terbahak-bahak.
  - (h) Saya hendak ke sungai.
  - (i) Canberra mahu berbaik dengan Kuala Lumpur.
  - (j) Mulai jam 8.30 pagi para peserta seminar mengambil tempat duduk.

- (k) Datin Rosminah telah menghadiahkan sehelai baju kepada kami.

Cuba analisis ayat-ayat di atas daripada sudut semantik.

3. Berdasarkan ujaran berikut, sila jawab soalan (a) - (c).

"Siapa punya 'sotong' kat dalam bilik air tu?," ujar salah seorang penghuni rumah sewa kepada teman-temannya yang lain.

- (a) Apakah agaknya yang dimaksudkan dengan 'sotong' dalam konteks ujaran tersebut? Mengapakah pada pendapat anda, si penutur menggunakan perkataan 'sotong' bagi merujuk kepada benda yang dimaksudkan?
- (b) Analisis ujaran di atas daripada sudut pragmatik.
- (c) Apakah makna sebenar ujaran tersebut? (Berikan parafrasanya).
4. Perhatikan pasangan antonim berikut dan kemudian jawab soalan (a) dan (b).

besar - kecil	menang - kalah
jauh - dekat	beri - terima
basah - kering	dalam - ceteck
lulus - gagal	laju - perlahan
majikan - pekerja	bersih - kotor
hidup - mati	atas - bawah
suami - isteri	duda - janda
panas - sejuk	jual - beli
tinggi - rendah	

- (a) Kelompokkan pasangan antonim di atas mengikut jenisnya. Huraikan setiap jenis antonim tersebut.
- (b) Satu perkara yang ada kaitan dengan antonim ialah fenomena BERTANDA dan TIDAK BERTANDA. Cuba jelaskan fenomena tersebut dengan menggunakan contoh pasangan antonim yang sesuai daripada senarai di atas.
- (c) Beri pentafsiran anda terhadap ayat/ujaran berikut:
- Halim lebih jujur daripada Yusof.
  - Profesor Matlob lebih terbuka daripada Profesor Muluk.

- iii. Kalimuthu lebih jahat daripada Mat Senin.
- iv. Darwina lebih amanah daripada Alina.
- v. Dia itu cantiklah.
- vi. Dia itu cantiklah juga.

-oooooooo-